

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA DEPAN

UTUSAN MALAYSIA msi MIDEPAN 28/1/2025 (SELASA)

## Elaun *on-call* doktor perlu sama gaji minimum

Oleh FITRI NIZAM  
utusannews@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Kadar elaun *on-call* bulanan pegawai perubatan perlu ditetapkan menyamai gaji minimum rakyat Malaysia iaitu RM1,700 sebulan.

Bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata, kadar elaun *on-call* RM9.16 sejam sekarang tidak lagi

munasabah dengan beban kerja ditanggung pegawai perubatan masa kini, selain peningkatan kos hidup.

Katanya, secara prinsip, elaun bulanan doktor *on-call* yang aktif iaitu perlu berada di hospital perlulah sekurang-kurangnya setara dengan gaji minimum rakyat Malaysia.

"Di dalam sektor kesihatan kita, ada dua jenis *on-call* iaitu yang perlu berada

di hospital (aktif) dan bersiap sedia di rumah (pasif).

"Isunya adalah elaun doktor *on-call* aktif yang perlu ke hospital kadarnya sekarang lebih rendah daripada gaji minimum. Ini tidak munasabah dan perlu dikaji semula," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Semalam, akhbar ini melaporkan Kementerian Kesihatan akan mengkaji se-

mula elaun bertugas *on-call* doktor yang tidak pernah disemak sejak 12 tahun lalu.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, isu berkenaan antara perkara yang akan dibincangkan jawatankuasa khas yang dipengerusikan Tan Sri Abu Bakar Suleiman termasuk pelaksanaan sistem jadual bekerja berlainan.

**Bersambung di muka 3**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 3 D/NEGERI 28/1/2025 (SELASA)

# Elaun *on-call* doktor perlu sama gaji minimum

## Dari muka 1

Katanya, usaha menambah baik kadar elaun *on-call* RM9.16 sejam sekarang sudah dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

“Perdana Menteri dan Amir Hamzah berpandangan perkara ini (elaun *on-call*) digarap bersama dalam penyelesaian jadual bekerja berlainan nanti,” katanya.

Dalam pada itu, Boon Chye berkata, sepatutnya elaun



LEE BOON CHYE

*on-call* doktor yang terpaksa bertugas di hospital sebolehnya perlu setimpal dengan tangga gaji mereka.

“Alasan yang menyatakan kakitangan peringkat pengurusan tidak layak untuk elaun *on-call* tidak boleh dijadikan isu kerana tugas *on-call* adalah penting dan ‘*labour intensive*’ yang tidak boleh diuruskan dengan arahan semata-mata,” katanya.

Beliau berkata, prinsip kadar keseluruhan elaun *on-call* doktor aktif perlu menyamai gaji minimum rakyat Malay-

sia adalah sebagai asas kepada Kementerian Kesihatan (KKM) untuk dijadikan rujukan dalam mengkaji semula elaun tersebut.

“Ia terpulang kepada KKM bagaimana menentukannya kerana kementerian juga perlu mengambil kira peningkatan perbelanjaan mereka memandangkan kos hidup ketika ini semakin meningkat.

“Doktor juga sama seperti golongan masyarakat lain yang perlu berbelanja dan mempunyai komitmen masing-masing,” katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NATION

BH m/s 18 NASIONAL 28/1/2025 (SELASA)

## KKM pastikan limau mandarin import patuhi Akta Makanan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) melaksanakan pemantauan khas bagi limau mandarin yang diimport di semua 70 pintu masuk negara sejak November lalu.

Pemantauan itu bagi memastikan semua limau mandarin yang memasuki negara ini mematuhi standard ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan (PPM 1985), Akta Makanan 1983.

KKM dalam kenyataan semalam menyebut, pihaknya turut menjalankan operasi khas di seluruh negara yang dinamakan Ops Tahun Baharu Cina bermula 19 Januari hingga 1 Februari 2025 untuk memastikan makanan yang dijual di pasaran adalah selamat dan mematuhi ke-

hendak Akta Makanan 1983.

Berdasarkan data Food Safety Information System of Malaysia (FoSIM) negara China, Afrika Selatan, Jepun, Australia dan Mesir adalah pengekspor utama limau mandarin ke Malaysia sepanjang 2024.

Hasil pemantauan itu, 243 sampel limau mandarin dianalisis dan didapati sembilan sampel (3.7 peratus) tidak mematuhi kadar maksimum residu racun perosak di bawah PPM 1985. Semua sampel yang melanggar peraturan sudah dilupuskan.

Setiap pengimport yang terlibat dalam pelanggaran itu akan dikenakan pemeriksaan tahap 5 (Talian, Uji dan Lepas) pada kemasukan seterusnya di mana

konsainan makanan akan ditahan bagi pensampelan dan kelulusan pelepasan diberikan sekiranya keputusan analisis mematuhi standard ditetapkan.

"Semua pengimport makanan bertanggungjawab untuk memastikan makanan yang diimport mematuhi PPM 1985. KKM sentiasa menjalankan pemantauan di pintu masuk negara dan pasaran tempatan bagi memastikan keselamatan makanan terjamin, demi melindungi pengguna dan memastikan produk yang berada di pasaran adalah selamat untuk dimakan," kata kenyataan itu.

Menurut KKM, sekiranya pengguna mempunyai kemusykilan berhubung isu keselamatan makanan atau melihat sendiri



Pelanggan di Alor Setar membeli limau mandarin sebagai persiapan menjelang perayaan Tahun Baharu Cina. (Foto Wan Nabil Nasir/BH)

insiden keselamatan makanan yang berlaku, pengguna boleh menghubungi mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melayari laman sesawang Sistem

Pengurusan Aduan Awam (SI-SPAA) di <http://moh.spab.gov.my> atau Facebook Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) <https://www.facebook.com/bkkmhq>. BERNAMA

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NASIONAL

SH m/s 6 NASIONAL 28/1/2025 (SELASA)  
**KKM terima aduan insiden  
buli di Sabah**

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan menerima aduan yang diterbitkan dalam media sosial dan media tempatan berkenaan insiden buli berbau perkauman dan budaya kerja toksik di sebuah hospital di Sabah.

Menerusi kenyataan pada Isnin, KKM memaklumkan isu berkenaan telah dirujuk kepada Unit Integriti untuk siasatan dan tindakan susulan akan diambil secepat mungkin.

"Pihak yang berkenaan juga digalakkan membuat laporan rasmi melalui sistem MyHelp untuk membantu siasatan. Perlakuan buli dalam apa jua bentuk dan kategori tiada tempat dalam KKM," menurut kenyataan itu.

KKM memaklumkan, pihaknya mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap buli kerana perbuatan itu bertentangan dengan hasrat mewujudkan persekitaran selamat dan adil kepada semua.

Tindakan tegas termasuk tatatertib akan diambil terhadap pelaku sekiranya kesalahan dapat dibuktikan, menurut KKM. - *Bernama*

AKHBAR : THESUN DAILY  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NATIONAL



TSD mls 6 NATIONAL 28/1/2025 (SELASA)

# Free medical response service

► St John Ambulance activates CNY teams to assist motorists involved in festive season emergencies

■ BY T.C. KHOR  
newsdesk@thesundaily.com

**GEORGE TOWN:** St John Ambulance of Malaysia (SJAM) in Penang has launched its annual "Ops Selamat Ambulance Standby CNY" initiative for emergency response during the Chinese New Year celebration period.

This year's services covered two key periods - from Jan 25 to yesterday for the pre-CNY travel rush, and Feb 1 to 3 for the post-celebration period.

Volunteers will work in shifts of eight to 12 hours, for a total standby time of 48 hours.

During the first two days, SJAM responded to a total of 38 medical or traffic collision cases that required ambulance services.

Each team, comprising four members, will be assigned to an ambulance. The volunteers, who are trained in first-aid, will serve as drivers, responders and first-aid assistants.

To support their efforts, SJAM

provides allowances and meals as a token of appreciation for their services.

A total of six ambulances will be on standby - four at the SJAM headquarters in Grove Road and two at its "Relau Hotspot 999 Base".

Additionally, there will be two Medibikes on standby at Relau.

Medibike riders are supplied with emergency supplies and equipment, including an automated external defibrillator.

Depending on the type of emergency, Medibikes are sometimes dispatched first to the location in the event there is bad traffic, said an SJAM spokesman.

Penang State Commander Datuk Seri Dr Yee Thiam Sun said the emergency services, that have been provided since 1995, were initiated

in view of motorists travelling en masse during festive periods.

"This operation marks another milestone in our commitment to public safety. We have been providing emergency ambulance services during festive seasons on major highways, where frequent road crashes were a pressing concern," said Yee during the launch of Ops Selamat on Friday.

He added that SJAM Penang previously provided emergency ambulance standby services during peak festive travel seasons along major routes such as the North-South Highway Juru toll plaza and the Butterworth-Kulim Expressway Kubang Semang toll plaza.

However since last year, the organisation made a strategic move to shift its operations to be based at Grove Road, closer to communities in Ayer Itam.

"This decision, although unconventional, has been impactful. We have been able to respond more efficiently to emergencies and serve the people of Penang better. The data speaks for itself, this community-focused approach works."

Yee also said SJAM Penang's 24-hour Relau Hotspot 999 Base will remain operational around-the-clock throughout the festive period.

"Festive periods often see a spike in traffic collisions. While we stand ready to provide emergency assistance, prevention is always better. Drive carefully, exercise patience and stay vigilant," he said.

SJAM Penang deputy state commander Karen J.D. Lim said both its Ayer Itam headquarters and Relau Hotspot, that operates 24-7, receive an average of 250 emergency calls per month at each location.

SJAM responds to private and public calls, including from individuals dialling 999.

"The response time for both the northeast and southeast districts on the island is about 10 to 15 minutes, depending on traffic conditions. We currently do not cater to emergencies on the mainland," she added.

SJAM emergency services are provided free of charge to the public.



SJAM Penang officials during the launch of 'Ops Selamat Ambulance Standby CNY'. - PIC COURTESY OF ST JOHN AMBULANCE